

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan
Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*



WEBINAR
ANUGERAH KUALITI
NAIB CANSOLOR (AKNC)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

20th Anniversary

eISSN 2976-2596



9 772976 259003

WEBINAR ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

KRITERIA 1: KEPIMPINAN



Penceramah:
Puan Hairani Wahab
(Pakar Rujuk AKNC)

📅 10 Mac 2025 (Isnin)

🕒 9:00 pagi

💬 Microsoft Teams

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

UITM  لهما نرى طرنا

<https://inqka.uitm.edu.my>  @inqka  @inqkautm  @InQKAUITM  InQKA UTM  @inqkautm6101  @inqka_uitm

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor 2025 bagi Kriteria 1: Kepimpinan pada 10 Mac 2025. Program tahunan ini merupakan susulan aktiviti daripada Taklimat Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 yang telah diadakan sebelum ini. Webinar ini bertujuan untuk memberikan pencerahan kepada peserta mengenai kriteria utama yang terdapat dalam pelaporan AKNC.

Webinar ini telah menarik penyertaan seramai 332 orang staf dari seluruh sistem UiTM yang menyertainya melalui platform Microsoft Teams. Sesi ini telah dimoderatorkan oleh Puan Norina Ahmad Jamil, Koordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA. Dalam ucapan pembukaannya, beliau menjelaskan bahawa objektif utama webinar ini adalah sebagai sesi pemantapan (*refreshment*) kepada peserta yang sudah berpengalaman dalam AKNC serta sebagai platform pembelajaran bagi mereka yang baru berjinak-jinak dengan penulisan pelaporan AKNC.

Sesi webinar telah disampaikan oleh Puan Hairani Wahab, Pakar Rujuk AKNC, yang memberikan penerangan mengenai kerangka utama AKNC yang terdiri daripada tujuh 7 kriteria utama. Beliau memberi penekanan khusus kepada Kriteria 1 iaitu Kepimpinan, termasuk elemen penting yang perlu ada dalam pelaporan. Dalam pembentangannya, beliau turut menjelaskan konsep ADLI (*Approach, Deployment, Learning, dan Integration*) yang perlu diterapkan dalam penulisan pelaporan bagi memastikan penyampaian yang sistematik dan berkualiti.

Selain itu, Puan Hairani turut menerangkan mengenai rubrik penilaian serta pemberat bagi setiap komponen yang terdapat dalam pelaporan AKNC. Beliau juga berkongsi beberapa panduan berguna bagi membantu peserta menghasilkan penulisan yang menepati standard yang ditetapkan. Sesi ini menjadi lebih interaktif apabila sesi dua hala anantara penceramah dengan peserta yang mana beliau turut menjawab pelbagai persoalan yang dikemukakan oleh para peserta, sekali gus memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan pelaporan bagi Kriteria 1.

Di akhir sesi, para peserta telah memperoleh ilmu dan pengetahuan baharu berkaitan teknik penulisan AKNC yang lebih interaktif dan berkesan. Diharapkan webinar ini dapat memberikan manfaat kepada semua peserta dalam meningkatkan kualiti pelaporan dan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan UiTM dalam pencapaian Anugerah Kualiti Naib Canselor pada masa akan datang.

WEBINAR AKNC KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

Disediakan oleh: Noor Azward Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 bagi Kriteria 2: Perancangan Strategik pada 11 Mac 2025. Program tahunan ini merupakan kesinambungan daripada Taklimat Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 yang diadakan sebelum ini.

Webinar ini bertujuan memberikan penerangan terperinci dan berfokus mengikut kriteria utama iaitu Perancangan Strategik.

Webinar ini telah disertai 241 orang staf dari seluruh sistem UTM melalui platform Microsoft Teams. Dr. Nik Azlin Nik Ariffin, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA telah menjadi moderator bagi Webinar Kriteria 2: Perancangan Strategik ini. Dalam ucapan pembukaannya, beliau memaklumkan bahawa webinar ini bertujuan untuk memperkukuh pemahaman peserta dan dalam penulisan pelaporan AKNC.

Sesi webinar ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Rohana Mahbub, Pakar Rujuk AKNC, yang menerangkan secara komprehensif mengenai kandungan pembentangan dalam sesi berdurasi 1 jam 30 minit.

Taklimat beliau dimulakan dengan penerangan tentang definisi Perancangan Strategik, yang menjadi asas dalam memastikan hala tuju penulisan berada pada landasan yang tepat. Beliau turut menyentuh aspek-aspek penting seperti:

- Panduan penulisan kriteria dan penerangannya,
- Kaedah penulisan mengikut kriteria,
- Penilaian dan rubrik,
- Penulisan kriteria dalam sistem iAKNC.



Selain itu, penceramah menegaskan kepentingan perancangan awal penulisan mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Beliau juga mengingatkan peserta agar mengambil kira maklum balas dan cadangan penilai AKNC tahun sebelumnya sebagai langkah penambahbaikan bagi tahun 2025.

Antara perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah memastikan penulisan berkualiti tinggi dengan mematuhi:

- Rubrik ADLI (*Approach, Deployment, Learning, Integration*),
- Kitaran PDCA (*Plan, Do, Check, Act*),
- Kaedah 4W dan 1H (*What, Why, When, Where, How*)

Pada penghujung sesi, penceramah berharap agar taklimat ini dapat membantu pasukan penulis AKNC di seluruh PTJ UTM dalam meningkatkan mutu penulisan serta merealisasikan kemenangan PTJ masing-masing bagi AKNC 2025. Diharapkan inisiatif ini dapat menyumbang kepada kecemerlangan UTM dalam penulisan pelaporan strategik yang lebih dinamik.

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. تقوى. موليا

 <https://inqka.uitm.edu.my>  @inqka  @inqkautm  @InQKAUITM  InQKA UITM  @inqkautm6101  @inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772976 259003